

## **Catuan air di Selangor akan diteruskan**

**Free Malaysia Today**

**26 March 2014**

**Oleh Adam Abu Bakar**

SHAH ALAM: Kerajaan negeri Selangor akan meneruskan perlaksanaan catuan air sehingga minggu pertama bulan April, kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Menurutnya, catuan ini diteruskan kerana paras air di empangan masih lagi di bawah 65 peratus..

“Kita menjangkakan hujan turun pada minggu ini, namun sebaliknya berlaku.

“Mengikut apa yang diterangkan oleh pihak Jabatan Metereologi, hujan dijangka turun pada minggu pertama bulan April.” katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Selangor.

Oleh demikian kerajaan negeri tidak akan mengubah fikiran dan keputusan untuk meneruskan usaha catuan air sehingga takungan air di empangan melebihi 65 ke 70 peratus.

Hingga kini, sebanyak 3.6 juta orang di enam daerah iaitu Gombak, Petaling, Klang dan Shah Alam, Kuala Selangor, Kuala Lumpur dan Hulu Selangor terlibat dalam proses pengagihan air berjadual peringkat ketiga.

Kerajaan negeri Selangor telah mula mengenakan catuan air sejak 25 Mac lalu.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/26/catuan-air-di-selangor-akan-diteruskan/>